

ANGSANA

Karya Nadia Khan

Diana melangkah masuk ke dalam kedai Angsana dengan perasaan yang berat. Di luar kedai, selautan manusia sedang menunggu untuk kedai tudung berjenama milik majikannya, Puan Liliana, dibuka untuk hari “istimewa” ini – hari jualan murah khas buat pemegang kad eksklusif butik Angsana.

Tapi tidak seperti dua tahun sebelumnya, wanita-wanita yang asalnya lemah-lembut dan bersopan-santun ini tak boleh lagi berasak-asak dan menolak-nolak antara satu sama lain demi mendapatkan tudung yang asalnya berharga RM400 tetapi kini menjadi RM150. Tahun ini dek kerana Covid-19, mereka perlu beratur dan menjaga jarak. Di antara mereka, ada yang dah mula meletakkan topeng muka di bawah dagu – rimas. Diana tersenyum sinis sendiri. Dia tak sangka mereka ini sanggup gadaikan nyawa untuk sehelai dua tudung yang dianggap eksklusif. Lagipun mereka hendak melawa ke mana?

“Hai, Diana. Sedia untuk Perang Dunia Ketiga?” Wani, teman kerja Diana, mengusik dari belakang kaunter bayaran.

Diana cuma tersenyum lemah. Hari ini akan terasa lebih panjang daripada biasa. Diana sering tertanya-tanya; dengan keuntungan yang melimpah-ruah, tidakkah majikannya mampu untuk mengambil pekerja yang lebih ramai? Mengapa setiap kali hari huru-hara ini tiba, cuma dia dan dua lagi pekerja yang menjaga kedai? Sudahlah tidak dibayar gaji atau elaun lebih.

Tetapi siapalah Diana untuk merungut. Dia patut bersyukur kerana ada gaji bulan-bulan untuk menampung perbelanjaan harian, sedangkan ramai yang hilang pekerjaan. Dia juga menjadi objek cemburu kawan-kawan kerana dia mendapat potongan harga istimewa untuk membeli tudung-tudung Angsana... walaupun dia sekali pun tidak pernah menggunakan keistimewaan itu. Dia lebih rela memakai tudung murah daripada bekalan air, elektrik, internet atau Netflixnya dipotong.

Diana melontarkan pandangan ke lautan manusia di luar kedai; majoritinya wanita muda dalam lingkungan umur yang lebih kurang sama dengannya. Dalam Diana sibuk meneliti pemakaian mereka, dia tidak sedar bahawa ada seorang lagi yang sedang memerhatikan lautan manusia itu dari jauh...

* * *

Hasnan duduk di kedai kopi bertentangan daripada butik Angsana. Roti canai kuah banjirnya sudah lama habis; air kosong sudah dipesan bergelas-gelas sehingga mamak di situ mengerling tajam ke arahnya apabila dia memesan segelas lagi.

Hasnan menyapu tapak tangannya yang tak berhenti berpeluh pada seluarnya. Beg kecil yang terikat kemas di pinggangnya diraba buat kesekian kali – memastikan yang beg itu masih berisi, walaupun dia tahu sudah pasti isi beg itu tak ke mana-mana.

Dia mengangkat muka apabila terdengar jeritan-jeritan halus daripada luar butik Angsana. Orang ramai sudah mula menerjah masuk ke dalam butik itu sehingga lupa menjaga jarak – kalau Hasnan sedang bertugas, dengan mudah dia boleh menyaman setiap seorang. *Lumayan juga kalau dapat duit kopi*, fikirnya. Tapi tak berbaloi. Dia ke sini untuk habuan yang lebih besar.

Minggu lepas, anak perempuannya membentak bagai orang hilang akal apabila talian internet di rumahnya dipotong. Isteri Hasnan yang juga menyimpan dendam pada Hasnan kerana barang dapur banyak yang kurang, tidak menegur perangai anak perempuan mereka yang menjerit sehingga bergema satu berek. Anak lelaki mereka buat tidak peduli sambil bermain dengan iPhone model terbarunya – terdetik di hati Hasnan; dari mana anak lelakinya mendapat wang untuk membeli telefon itu? Hasnan tidak pernah bertanya kerana jawapannya terlalu menakutkan.

Situasi kewangan Hasnan memang sudah lama goyah. Gaji bulan-bulannya tak lagi cukup untuk keperluan isi rumah yang kian mendesak. Oleh kerana dia tidak layak membuat pinjaman bank, dia terpaksa membuat pinjaman melalui saluran lain yang senang dahulu, susah kemudian. Dan susahnyanya telah tiba dua hari lepas apabila dia diserang sekumpulan lelaki sasa di luar kedai runcit tempat dia membeli barang dapur. Maklumlah, hendak serbu di berek atau di tempat kerja Hasnan sudah tentu mereka tidak berani. Menyimbah cat merah bukanlah modus operandi yang sesuai. Tetapi bila difikirkan kembali, Hasnan lebih rela disimbah cat merah daripada bahana yang dia terima dua hari lepas...

Hasnan melihat jari kelingking kirinya yang dibalut plaster. Hujung jarinya sudah dipotong – pakai apa, Hasnan tidak pasti tapi sakitnya ke tulang. Kunci-kunci Ah Long itu memberi amaran kepadanya – jika hutang RM50,000 tidak dilangsaikan hujung bulan ini, jangankan hujung jari, kedua-dua tangannya akan jadi hidangan anjing kesayangan bos mereka.

Telefon Hasnan berkelip-kelip tanda ada mesej masuk. Mujurlah Hasnan belum hilang kedua-dua tangannya... tetapi apabila Hasnan melihat isi mesej itu, Hasnan fikir lebih elok kalau dia kudung dan tak mampu menekan butang telefonnya.

'Ceraikan saya.'

Itu bukan kali pertama orang rumah Hasnan memberikan mesej seperti itu. Sejak enam bulan yang lalu, berkali-kali permintaan itu keluar dari mulut isterinya. Apabila tidak dilayan, isteri Hasnan menghantar WhatsApp secara konsisten setiap hari sejak sebulan yang lalu.

Hasnan mengeluh. Seperti biasa, mesej itu tidak dijawab.

Perkahwinan yang sudah dibina sepanjang 20 tahun tidaklah dari awal begini. Hasnan bukannya manusia yang tidak ada cita-cita dan impian – dia mahu melihat keluarganya hidup senang. Pelbagai cara sudah dicuba selain pekerjaan hariannya – meniaga kerepek, menjadi agen minuman tongkat ali, memandu Grab... malah pernah juga cuba memasuki skim piramid. Dia tidak seperti kawan-kawannya yang lain – pendapatan tambahan mereka datang daripada menjual pil-pil yang dirampas dari kelab malam dan mengambil kesempatan ke atas kesalahan-kesalahan pemandu ketika bertugas di jalan raya. Mereka pun dalam kesusahan sekarang – maklumlah,

kelab malam belum boleh beroperasi dan tak ramai yang keluar ke jalan waktu-waktu begini.

Jadi hari ini, Hasnan nekad untuk membuat sesuatu yang lebih drastik. Dia yakin apa yang dia bakal lakukan ini bukan sesuatu yang salah. Bukankah orang yang punya kelebihan perlu berkongsi nikmat kekayaan dengan mereka yang lebih memerlukan?

Hasnan bangun, membayar sarapannya, memakai topeng mukanya dan mula berjalan ke arah lorong di tepi butik Angsana.

* * *

“Tapi tudung ni kan dah koyak sikit.”

Aduan tu datang dari salah seorang pelanggan butik. Diana cuba menahan diri daripada senyum mengejek. Kalau tak silap Diana, pelanggan ini juga yang menarik tudung di rak tadi dengan kasar sehingga terkoyak sedikit di hujungnya. Sekarang, dia ingin bermain taktik minta potongan harga lebih pula.

“Kalau cik tak mahu tudung ni, cik boleh letak semula dan pilih tudung yang lain. Tetapi maaf, saya tak boleh turunkan harga lebih daripada sepatutnya,” Diana, sebagai seorang pekerja berdedikasi yang cukup arif tentang prosedur yang ditetapkan majikannya, berkeras.

“Nak saya tularkan tentang tudung koyak ni ke? Nanti semua orang tahu tudung kedai ni tak berkualiti!”

“Cik, dalam kedai ini ada CCTV,” balas Diana, ringkas.

Pelanggan tadi terus terdiam, kemudian menarik muka masam. Dia meletakkan tudung itu di atas kaunter bayaran sambil merungut, “Yalah, saya bayar walaupun tudung ni rosak. Nasib baik saya ni murah hati.”

Diana sekadar diam sehinggalah pelanggan tadi mengeluarkan kad debit untuk membayar. Diana terpaksa tunjukkan tanda yang jelas terpampang di atas kaunter bayaran – *Transaksi Tunai Sahaja*.

“Hah?! Meniaga apa macam ni, tak boleh pakai kad debit!” pelanggan itu merungut.

“ATM ada di blok kedai hadapan,” balas Diana.

“Menyusahkan,” pelanggan itu mendengus. “Simpankan tudung ni! Jangan bagi orang lain ambil!” pesannya, tetapi lebih kepada mengugut.

Diana rasa seperti hendak tergelak besar, tetapi belum sempat dia mengukir senyum sekalipun, dia dan seluruh isi kedai dikejutkan dengan bunyi tembakan yang amat kuat.

Dengan serta-merta, keadaan menjadi kalut. Ada yang menjerit, ada yang melatah, ada yang kaget. Diana melihat seorang lelaki memakai topeng muka dan berpakaian serba hitam memegang sepucuk pistol yang baru sahaja ditembak ke siling butik. Serpihan siling kini di lantai.

Pengawal keselamatan berbangsa Nepal yang duduk berdekatan dengan pintu tergamam – mungkin dia tidak pernah menyangka yang akan tibanya hari di mana

khidmatnya benar-benar diperlukan. Dan mungkin juga kerana menyedari yang dia sebenarnya tidak mempunyai apa-apa kemahiran untuk menghadapi situasi seperti ini... dia lari. Ya! Dia berlari selaju mungkin keluar dari kedai.

Lelaki itu kemudian mengacukan pistolnya kepada Diana.

“Tutup kedai,” dia mengeluarkan arahan pertama.

Dengan tangan terketar-ketar, Diana menekan butang yang menurunkan tirai besi automatik di luar kedai. Perlahan-lahan, Butik Angsana diselubungi sedikit kegelapan.

“Siapa yang sayang nyawa, berbaris depan aku! Cepat!”

Semua orang lintang-pukang dan dalam masa beberapa minit, semua sudah siap berbaris di hadapan lelaki bertopeng itu walaupun dalam keadaan takut. Tiada siapa yang bertanya bagaimana barisan yang dikehendaki lelaki itu – semua orang seakan-akan berhubung secara telepati dan berbaris seperti di perhimpunan sekolah.

Semua orang diarahkan untuk mencampakkan telefon bimbit ke tepi dan mencangkung. Pelanggan tudung koyak/kad debit tadi rupanya sudah berada di barisan paling hadapan dalam perjalanannya keluar tadi... dan kini, pistol lelaki bertopeng itu sedang diacukan kepadanya.

“Kita mula dengan kau... dan semua orang ikut! Keluarkan semua wang tunai dalam dompet!” arahan seterusnya keluar dari lelaki bertopeng itu.

Dengan suara yang hampir hendak menangis, pelanggan tadi bersuara, “Saya... saya tak ada wang tunai.”

Walaupun lelaki itu memakai topeng, Diana dapat nampak bahasa tubuhnya seperti keliru. “Kedai ini terima tunai saja, kan?” soalnya.

Sekali lagi, keinginan untuk gelak besar itu memenuhi ruang dada Diana, tetapi dia tahan. Sedangkan perompak ini juga tahu yang mereka melakukan transaksi tunai sahaja!

“Saya—saya baru nak pergi ATM,” balas pelanggan itu.

“Bangun!” jerkah lelaki bertopeng itu.

Pelanggan tadi bangun dan lelaki itu menjadikannya tebusan – pistol diacukan ke kepalanya. “Siapa yang tak ikut arahan akan bertanggungjawab atas kematian dia ni!” ugutnya.

Sementara pelanggan itu menangis ketakutan, semua orang mengeluarkan wang tunai dalam dompet mereka. Lelaki bertopeng itu memberikan sebuah beg dan menyuruh tebusannya mengisi beg itu dengan semua wang tunai yang dikeluarkan. Diana lihat yang lelaki bertopeng itu bukan sekadar mengambil wang itu dengan kadar segera, tetapi kadangkala dia berhenti, meneliti dan menemuramah!

“Kau nak habiskan dua ribu kat kedai ni?!” soal lelaki itu kepada seorang pelanggan berpakaian elegan; Diana terfikir, kasut platform pelanggan itu boleh digunakan sebagai senjata kalau dia berani.

Pelanggan itu sekadar mengangguk lemah dan Diana nampak lelaki itu menggeleng sendiri. Seorang lagi pelanggan yang penampilannya nampak biasa-biasa saja dan berusia lewat 40-an menghulurkan sejumlah RM200.

Lelaki bertopeng itu merenungnya. “RM200 saja? Kau cuma mampu beli sehelai tudung di kedai ini, tahu?”

Pelanggan itu beranian diri mengangkat muka kemudian membalas, “Saya... nak belikan untuk hari jadi anak saya. Dia beriya-iyanya nak.”

“Kau kerja apa? Berapa gaji kau sebulan?” lelaki itu bertanya.

Pelanggan itu seperti malu hendak menjawab, tetapi kerana tidak mahu tebusan itu diapa-apakan, dia akhirnya berkata, “Tukang cuci. Saya dapat dalam RM1,800 sebulan.”

“Anak berapa orang?”

“Em—empat.”

“Suami? Kerja apa?”

Pelanggan itu sekadar menggeleng.

Lelaki bertopeng itu mengeluh panjang, kemudian dia menyerahkan RM200 itu semula kepada pelanggan yang satu itu.

Melihatkan yang lelaki perompak itu seperti ada sifat belas kasihan, ada yang cuba merayu dan memberikan kisah sedih mereka yang tersendiri. Ada yang mengatakan mereka mengumpul duit sudah lama; ada yang ingin membelikan tudung ini untuk memujuk ibu yang tak dapat mengerjakan ibadah haji tahun ini. Tetapi tiada seorang pun pelanggan yang bernasib baik seperti kakak tukang cuci tadi.

Setelah selesai mengutip semua wang tunai dari semua pelanggan, lelaki bertopeng itu menolak tebusannya ke arah kaunter bayaran, kemudian memandang tepat pada Diana. “Kau pekerja kedai ni kan? Kosongkan mesin tunai, cepat!”

Diana akur. Sambil memasukkan wang ke dalam beg perompak itu, Diana terfikir jika gajinya sendiri akan ditolak kerana kejadian ini. Tak mustahil – majikannya agak terkenal dengan perangai memotong gaji pekerja atas alasan-alasan yang majikannya sendiri rasakan munasabah.

Usai mengisi beg, perompak itu menyuruh Diana menunjukkannya jalan belakang. Sekali lagi Diana akur. Sudah pasti perompak ini dapat melarikan diri begitu sahaja kerana majikannya tak pernah terfikir untuk meletakkan butang kecemasan atau butang panik di dalam butik ini. Mungkin kerana insurans kedai ini sudah memadai.

Entahlah. Yang penting, duit Diana sendiri selamat di dalam dompetnya dan nyawanya tidak lagi di dalam bahaya. Diana melemparkan renungan kosong pada lelaki bertopeng yang berlari semakin jauh dari Butik Angsana kemudian menghilang di celah-celah lorong belakang, sambil rakan sekerjanya, Wani, menelefon talian kecemasan.

* * *

“Puan Liliana kena buat kenyataan akhbar pukul 4 petang nanti,” Raisa, pembantu peribadi Puan Liliana, memberitahunya ketika di dalam Vellfire milik

majikannya itu. Mereka berdua duduk di belakang sementara pemandu membawa mereka ke lokasi seterusnya untuk mesyuarat Puan Liliana.

"*How much did we recover?*" tanya Puan Liliana, yang memang lebih fasih berbahasa Inggeris.

"RM20,820, puan."

"Oh, taklah banyak sangat," balas Puan Liliana, acuh tak acuh.

"Puan Liliana masih nak dakwa perompak tu kan?"

"*Of course! I have no mercy for thieves.* Perompak ni orang yang malas. Dia tahu nak senang je. *I tak boleh terima betul. I work hard to get to where I am, you know?*"

Raisa mengangguk-angguk, setuju.

Telefon Puan Liliana berdering. Raisa baru hendak menjawab bagi pihak majikannya tetapi Puan Liliana mengambil telefon bimbit dari tangan Raisa apabila melihat nama ayahnya tertera di skrin.

"*Hello, papa? Yes, yes. I'm on my way,*" Puan Liliana berbicara di telefon.

Raisa melihat jam tangannya – dia berharap mereka tidak lewat sampai ke pejabat Tan Sri Jamal. Tan Sri orangnya berdisiplin dan tidak suka orang yang datang lambat, termasuklah anaknya sendiri. Raisa tahu ini mesyuarat penting untuk Puan Liliana kerana Tan Sri Jamal akan menyerahkan dana sejumlah RM3.5 juta untuk Puan Liliana membuka butik barunya di Tokyo.

"Oh, Puan Liliana, sebelum saya lupa... saya dah *disable comments* kat Instagram post puan tentang percutian ke Maldives waktu PKP tu," Raisa memberitahu. Minggu lepas pasukan media sosial Puan Liliana telah membuat kesilapan besar dan Puan Liliana teruk dikecam. Padahal netizen ini semua tak faham yang Puan Liliana bukan seperti orang lain – dia perlukan rehat setelah penat bekerja dan berusaha membangunkan syarikatnya.

Raisa sendiri memang cukup faham dengan keadaan majikannya itu. Dia sendiri pernah menghadiri forum di mana Puan Liliana bercerita tentang kejayaannya. Puan Liliana berkata rahsia kejayaan adalah kegigihan – kita harus sentiasa pandai mencari jalan penyelesaian dan bekerja keras.

Ya, Raisa mahu menjadi orang berjaya. Tak mustahil satu hari nanti, dia akan menjadi seperti Puan Liliana. Walaupun Puan Liliana hanya tua dua tahun darinya, siapa kata Raisa tak boleh mencapai kejayaan dalam masa dua tahun.

Rahsia kejayaan adalah kegigihan, bukan?